

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

→ Prof Madya Dr Ramizah Wan Muhammad
Kulliyah Undang-Undang
Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia



Elak konflik Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti

Ada dua institusi agama yang sangat signifikan dalam sistem perundangan Islam di Malaysia sejak sebelum merdeka hingga hari ini. Institusi itu ialah institusi kehakiman atau Mahkamah Syariah dan institusi fatwa atau Jabatan Mufti.

Pada zaman Kesultanan Melaka, mufti menjadi penasihat kepada Sultan yang pada masa itu merangkap ketua hakim untuk membuat keputusan kes. Mahkamah Syariah suatu ketika dahulu dikenali dengan nama Mahkamah Kadi. Mufti pula pada masa dahulu ditugaskan untuk menasihati Sultan dalam hal ehwal agama Islam.

Hakikatnya, tugas mufti kekal hingga hari ini dan dimasukkan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam bagi setiap negeri di Malaysia.

Dari segi objektif, kedua-dua institusi itu sama, iaitu berkaitan dengan memelihara kesucian agama Islam serta aqidah umat Islam, selain menjadikan syariah sebagai asas keadilan.

Satu lagi sifat kesamaan yang ada di antara kedua-dua institusi ini ialah bersifat kenegerian. Mereka milik kerajaan negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Pengasingan kuasa

Mahkamah Syariah ialah badan kehakiman yang ditugaskan untuk memastikan setiap pelaksana-



Wajar untuk kita melihat perbezaan dua institusi penting ini demi untuk menjaga aqidah umat Islam. Jangan sesekali kita cuba menjadikan mahkamah dan jabatan mufti berkonflik di antara satu sama lain”

an dan penguatkuasaan undang-undang berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh undang-undang.

Badan kehakiman ini wujud sebagai sebahagian daripada pengasingan kuasa selepas legislatif (Parlimen atau Badan Perundangan Negeri) dan juga eksekutif. Peruntukan undang-undang ini diambil, sama ada dari Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang dasar, Enakmen Negeri, Tatacara Sivil/Jenayah dan juga peruntukan kecil lain.

Mahkamah Syariah diketuai oleh Hakim Syarie, sama ada pada peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

Hakim hanya mendengar kes mengikut bidang kuasa yang ditetapkan oleh undang-undang pentadbiran setiap negeri. Hakim juga hanya memberi keputusan berdasarkan kepada fakta kes dan bukti yang diberikan sepanjang perbicaraan.

Setiap hukuman atau keputusan yang diberikan oleh Hakim Syarie terikat kepada *parties* yang terbabit dalam kes berkenaan.

Institusi fatwa bukan badan daripada kehakiman, legislatif atau eksekutif. Ia lebih bersifat pentadbiran agama Islam dengan mufti, sebagai ketua institusi fatwa ditugaskan untuk menasihati Sultan mengenai hal ehwal agama.

Apabila ia bersifat ‘menasihati’ maka setiap nasihat yang diberikan tidak memberi kesan yang wajib untuk diikuti.

Begitupun, setiap nasihat dan pandangan akan diambil kira sebelum keputusan dibuat oleh mereka. Mufti memberi fatwa apabila ditanya oleh masyarakat, individu tertentu atau mana-mana agensi yang ingin tahu mengenai hukum syarak yang kurang jelas dalam nas atau yang tiada dalam nas. Namun, ada juga mufti memberi fatwa atas inisiatif sendiri.

Skop fatwa

Persoalan yang ditanya berkisar kepada isu membabitkan umat Islam pada sesuatu *locality* atau tempat. Ia bersifat umum.

Berlainan dengan Mahkamah Syariah dengan bidang kuasa mahkamah terhad pada kes yang ditetapkan oleh undang-undang. Kes yang dibawa ke mahkamah lebih khusus. Selain itu, kes mahkamah berkisar kepada *parties* yang terbabit dalam kes berkenaan.

Skop fatwa pula bersifat umum. Apa sahaja mengenai hal ehwal Islam dan umat Islam, ia dalam bidang kuasa institusi fatwa.

Hakim tidak boleh memberi

fatwa kerana khuatir fatwa yang diberikan oleh Hakim Syarie menjadi autoriti kepada pihak peguam atau pendakwaan.

Pada masa sama, hakim juga menjadikan fatwa sebagai rujuhan sebelum membuat sebarang keputusan. Dengan ini, saya melihat mufti itu lebih *superior* daripada seorang hakim dari segi ilmu agama.

Jika keputusan mahkamah bersifat mengikat dari segi undang-undang, tetapi ia berlainan pula dengan institusi fatwa yang tidak mengikat sesiapa dari segi undang-undang, sehingga diwartakan oleh Sultan, Raja atau Yang di-Pertuan Agong.

Fatwa bersifat umum

Secara umum, usaha untuk mewartakan fatwa ini berlaku apabila Jawatankuasa Fatwa negeri meluluskan fatwa berkenaan dan dimaklumkan kepada majlis agama negeri. Majlis agama negeri pula akan mempersembahkan fatwa kepada Sultan, Raja atau Yang di-Pertuan Agong untuk dipерkenankan dan seterusnya untuk mewartakan fatwa berkenaan.

Jika seorang Muslim menganut mazhab ataupun doktrin lain yang dinyatakan oleh fatwa sebagai murtad atau kafir, maka institusi yang sewajarnya untuk menentukan orang itu sudah murtad atau tidak, terletak di bawah Mahkamah Syariah.

Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membuat pengisyntiharan bahawa orang berkenaan sudah murtad atau sebaliknya.

Fatwa bersifat umum tanpa melihat kepada fakta kes dan bukti lain. Mahkamah pula akan memperhalusi setiap kes dengan mendengar kedua-dua pihak yang terbabit. Bukti yang ada seterusnya merujuk kepada undang-undang serta fatwa, jika ada sebagai rujukan sebelum memberi keputusan.

Justeru, wajar untuk kita melihat perbezaan dua institusi penting ini demi untuk menjaga aqidah umat Islam. Jangan sesekali kita cuba menjadikan mahkamah dan jabatan mufti berkonflik di antara satu sama lain.

Mahkamah hanya membuat keputusan berdasarkan kepada bukti yang dibentangkan di mahkamah dan berdasarkan kepada peruntukan sedia ada.

Pada masa sama, mahkamah atau hakim juga harus untuk menggunakan kreativiti kehakiman dengan melihat suasana yang berlaku dan perkara baharu, termasuk fatwa sebagai rujukan dalam keputusan mereka.

Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Dato' Yushaimi Yahaya
yushem@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bhrencana@bh.com.my